

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN**

**DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA : Y.B. DATO' KAMARUDIN BIN JAFFAR  
(TUMPAT)**  
**PERTANYAAN : LISAN**  
**TARIKH : 26.11.2014**

**Y.B. DATO' KAMARUDIN BIN JAFFAR [ TUMPAT ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan adakah Kementerian berpuas hati dengan tindakan KTM memecat pekerja-pekerjanya yang merupakan pemimpin-pemimpin kesatuan sekerja syarikat itu.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, dari aspek tadbir urus Kementerian Kewangan selaku pemegang saham tidak boleh campur

tangan dalam kemelut pemecatan beberapa kakitangan Keretapi Tanah Melayu Bhd (KTMB) kerana ini lebih menjurus kepada isu dalaman syarikat dan ia wajar diselesaikan diperingkat pengurusan KTMB dengan dibantu oleh Lembaga Pengarah KTMB.